



NASIONAL

KES


POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

Jawatankuasa integriti ditubuh tangani isu jual slot janji temu

Suzalina Halid - Julai 12, 2021 @ 9:13pm
suzalina@bh.com.my



MELAKA 27 FEBRUARI 2021. Pekerja swasta, Aimy Ahmad, 33 melakukan pendaftaran vaksinasi di aplikasi MySejahtera yang merupakan saluran rasmi kerajaan bagi pendaftaran untuk mendapatkan vaksin melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) di kediamannya di Bandaraya Melaka. KHIS/IQMAL HAQIM ROSMAN

KUALA LUMPUR: Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) menubuhkan sebuah Jawatankuasa Integriti dan Siasatan bagi menangani isu penjualan slot janji temu vaksinasi yang dilaporkan sebelum ini.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, berkata jawatankuasa itu turut dianggotai wakil daripada CITF, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

"Beberapa tindakan sudah dan akan terus diambil CITF untuk membendung isu penjualan slot janji temu vaksinasi ini daripada terus berlaku termasuk bekerjasama dengan PDRM bagi menyiasat isu ini seawal Jun lalu.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 9m **52 maut kebakaran wad COVID-19 di Iraq**
- 26m **McGregor didakwa mahu membunuh Poirier**
- 33m **Pembersih khusus permudah pemakai kelengkapan gigi**
- 57m **Penularan jangkitan, PPV IDCC tutup hari ini**
- 1h **Serena terkeluar ranking 10 teratas WTA**
- 1h **EURO: Itali terus berpesta rai kejayaan**
- 2h **EURO: Facebook, Twitter padam komen rasis babit pemain England**
- 9h **Arab Saudi iktiraf Sinovac**

WAKSIN



NASIONAL Jul 12, 2021 @ 2:33pm
Garis panduan individu lengkap vaksinasi perlu jelas, konsisten



NASIONAL Jul 12, 2021 @ 12:07pm
Dua beradik berusia lebih seabad terima vaksin



NASIONAL Jul 12, 2021 @ 8:45am
Percepatkan vaksinasi di Lembah Klang



NASIONAL Jul 12, 2021 @ 8:18am
Bendung penularan varian Delta - pakar



NASIONAL Jul 11, 2021 @ 3:39pm
PPV di Kelantan mampu suntik 30,000 dos vaksin sehari



NASIONAL Jul 11, 2021 @ 3:14pm
Vaksinasi 100,000 pemandu pengangkutan awam dijangka selesai Ogos

"Sebarang perkembangan terbaharu akan dimaklumkan kepada orang awam oleh pihak PDRM," katanya dalam kenyataan, hari ini.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [KJ jawab persoalan pengagihan vaksin COVID-19](#)
- [Penularan jangkitan, PPV IDCC tutup hari ini](#)
- [Lebih 2.25 juta dos vaksin dijadualkan tiba April, Mei](#)
- [465,081 daftar sebagai penerima vaksin COVID-19](#)

Sebelum ini, terdapat dakwaan sesetengah sukarelawan di pusat vaksinasi di Sabah didakwa menjual slot janji temu kepada individu yang mahu memotong barisan untuk divaksinasi.

Pada masa sama, Khairy berkata, Garis Panduan Pemantauan Vaksin dan Penyediaan 'senarai menunggu' sudah dikuatkuasakan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) untuk memastikan tiada penyalahgunaan kuasa dalam pemberian vaksin.

"Selain memperkemarkan pemantauan di PPV melalui garis panduan ini, keupayaan sistem di PPV akan terus dipertingkatkan melalui pengenalan dua faktor pengesahan bagi setiap penetapan janji temu dan penambahan bilangan penerima vaksin," katanya.

Sementara itu, mengenai laporan kehadiran individu positif COVID-19 di PPV, Khairy berkata, langkah segera diambil oleh pusat iaitu menjalankan aktiviti sanitasi, pengasingan kontak rapat dengan pesakit dan melaksanakan ujian COVID-19 ke atas petugas.

Katanya, beliau juga mengarahkan setiap PPV untuk membuat pemeriksaan yang lebih teliti di setiap pintu masuk PPV supaya tiada individu berstatus risiko tertentu dibenarkan masuk.

"Saya juga ingin mengingatkan orang ramai yang melakukan ujian COVID-19 untuk bertanggungjawab dan tidak hadir di PPV sama ada untuk memenuhi janji temu vaksinasi atau sebagai pengiring selagi mereka tidak mendapat keputusan ujian masing-masing.

Sementara itu, Khairy berkata siasatan awal mengenai dakwaan suntikan vaksin yang melepasi tarikh luput mendapati perkara itu tidak benar.

Katanya, tarikh luput vaksin dos kedua yang diberi dan tertera di MySejahtera individu terbabit sebenarnya adalah tarikh luput vaksin yang diberikan untuk dos pertama.

"Fakta ini disokong oleh beberapa dokumen yang sudah diperiksa. Kesilapan merekodkan data menyebabkan perkara ini berlaku dan tarikh luput vaksin yang sebenar akan dikemas kini ke dalam MySejahtera bagi individu terbabit," katanya.

TRENDING



[LAIN-LAIN \(SUKAN\)](#) 28 minit yang lepas
[McGregor didakwa mahu membunuh Poirier](#)



[NASIONAL](#) sejam yang lepas
[Penularan jangkitan, PPV IDCC tutup hari ini](#)



[NASIONAL](#) 9 jam yang lepas
[Arab Saudi iktiraf Sinovac](#)



[NASIONAL](#) 12 jam yang lepas
[Tompokan air mani pada sarung tilam di rumah ADUN Tronoh](#)



[KES](#) Jul 12, 2021 @ 8:00pm
[Bunuh bapa saudara sebab sering berleter](#)

MYRESIPI



[RESEPI](#) Jul 11, 2021 @ 12:43pm
[Resepi Chicken Wings Ala 4 Fingers, Lagi Jimat & Puas Makan Di Rumah](#)




[TIPS & PETUA](#) Jul 11, 2021 @ 12:42pm
[Tips Telur Dadar Gebu & Sedap, Hanya Guna 3 Bahan Sahaja!](#)



[RESEPI](#) Jul 9, 2021 @ 12:01pm
[Resepi Mudah Aiskrim Mochi, Memang Nikmat Cair Di Dalam Mulut!](#)




[TIPS & PETUA](#) Jul 9, 2021 @ 12:00pm
[Tips Hilangkan Karat & Kesan Kerak Pada Kualiti, Confirm Berkilat, Tak Payah Beli Baru Dah!](#)



[TIPS & PETUA](#) Jul 8, 2021 @ 12:05pm
[Tips Penting Untuk Pengguna Air Fryer, Supaya Tahan Lama & Menjamin Keselamatan!](#)

BERITA BERKAITAN





NASIONAL Mei 10, 2021 @ 2:23pm
Tarikh janji temu suntikan vaksin AstraZeneca dipinda



NASIONAL Mei 18, 2021 @ 5:57pm
Individu jalani kuarantin, disyaki positif COVID-19 dilarang ke PPV



NASIONAL Jun 11, 2021 @ 10:35pm
PPV mega MIECC beroperasi Isnin ini



NASIONAL Mei 25, 2021 @ 5:10pm
Jangan ke PPV tanpa janji temu - Khairy

Disyorkan untuk anda

Recommended by |

Relationship Goals: 21 Times Ryan Ryan...
TooCool2BeTrue

Huawei CFO Meng Wanzhou loses court bid t...
Nikkei Asia

Wanita yang berumur 52 tahun mampu kelihata...
AsiaStory

Where Do The Richest Americans Live?
Mansion Global

We Will Guess Your Education Level in 20...
TooCool2BeTrue

Electricity Tariffs: How does it works in...
Energy Watch
[Read more](#)

Laos deepens reliance on China for key transport...
Nikkei Asia

Petaling Jaya: I was surprised when I saw the...
Stair Lift | Sponsored Li...



IKUTI KAMI DI:



BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BHTV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

